

LATIHAN METODOLOGI PEMERIKSAAN KEMATANGAN PADI

Seramai 36 orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Pengembangan Pertanian, Bahagian Industri Padi, Tenaga Pengajar IBTE Wasan dan beberapa peladang padi telah menyertai Latihan "*Metodologi Pemeriksaan Kematangan Padi*". Latihan tersebut telah berlangsung di Pejabat Unit Industri Padi dan Ladang Padi IBTE di Kampong Wasan, pada 17hb Jamadilakhir 1441/ 11hb Februari 2020.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, khususnya Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan, sedang giat di dalam menambah kemahiran dan pengetahuan bagi pegawai dan kakitangan di Jabatan ini. Latihan ini bertujuan untuk menseragamkan metodologi pemeriksaan kematangan padi di seluruh negara agar lebih bersistematik dan efisien khususnya kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam industri padi.

Latihan ini telah diselaraskan oleh Unit Pengurusan Sumber Manusia dan dilaksanakan bersama Unit Lepas Tuai. Taklimat dan latihan praktikal telah disampaikan oleh Hj Muhd Shukri bin Hj Makhbar, Pembantu Pertanian Kanan, salah seorang kakitangan di Unit Lepas Tuai. Sesi taklimat mengambil tempat di pejabat Unit Industri Padi, manakala bagi sesi latihan praktikal pula telah diadakan di Ladang padi IBTE Wasan.

Latihan tersebut adalah sangat bermanfaat kepada para peserta kerana ianya telah memberikan kefahaman dalam melaksanakan pemeriksaan kematangan padi yang lebih bersistematik dan efisien. Latihan ini juga memberikan *platform* kepada Unit Lepas Tuai dan para peserta untuk berkongsi pengalaman dan kesulitan yang dihadapi dalam melaksanakan tugas-tugas pemeriksaan, serta cadangan dan idea yang boleh digunapakai bagi memperbaiki lagi metod pemeriksaan ini dimasa akan datang.



Sesi Taklimat



Para Peserta



Sesi Praktikal



Penerangan Teknik Tinjauan Ladang